



# بجالیسی دائرہ ضریح MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak  
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my  
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Bil. ( 32 ) dlm. M.D.Gk. (P) 13/84 Pt. IX 30/2001 (Jld. 2)

## NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL. 3/2021

1. Tawaran adalah dipelawa kepada semua **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang **BERALAMAT DI DAERAH GERIK** sahaja serta mempunyai Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Cabutan undi akan dilaksanakan melalui sistem atas talian di pautan **Facebook Rasmi MAJLIS DAERAH GERIK** yang akan diadakan pada :

TARIKH	MASA	TEMPAT
28 MEI 2021 (JUMAAT)	9.30 PAGI	DEWAN PERSIDANGAN, JALAN SRI ADIKA RAJA, GERIK

3. Sesi undian akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian, oleh itu kontraktor tidak perlu hadir pada hari undian dijalankan. Bagaimanapun, kontraktor boleh menyaksikan proses undi melalui atas talian seperti ketetapan perkara 2 di atas.
4. Berikut merupakan tarikh-tarikh yang perlu diberi perhatian oleh pihak kontraktor :-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pendaftaran Kontraktor dan Tarikh Akhir Memuatnaik Dokumen Secara Atas Talian (Google Form seperti pautan di bawah : <a href="https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA">https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA</a> )	<b>18 MEI 2021 (8.30 pagi)</b> sehingga <b>21 MEI 2021 (12.00 tgh)</b> *pastikan kontraktor membuat pendaftaran dalam <b>tempoh tersebut</b> ini sahaja untuk mengelakkan pendaftaran ditolak.
2.	Paparan Notis Senarai Kelayakan Kontraktor Memasuki Proses Undi (melalui Facebook MAJLIS DAERAH GERIK DAN Laman Web <a href="http://www.gerik.gov.my">www.gerik.gov.my</a> )	25 MEI 2021
3.	Proses Undi Berlangsung (live streaming Facebook MAJLIS DAERAH GERIK)	28 MEI 2021 (9.30 pagi)

5. Pendaftaran hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut melalui Google Form di pautan <https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA> dengan menyertakan dalam bentuk PDF sahaja :
  - a) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB
  - b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
  - c) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
  - d) Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - e) Resit Pembaharuan (jika berkenaan)
6. **Kelewatan atau kegagalan** kontraktor-kontraktor mendaftar mengikut masa yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai proses UNDIAN KERJA.
7. Kontraktor-kontraktor diwajibkan menghantar salinan dokumen seperti yang dinyatakan diperkara 5 dengan memuatnaik secara atas talian bagi tujuan pendaftaran dan seterusnya proses pengundian. **Tarikh akhir luput sijil-sijil berkenaan hendaklah pada 27 Julai 2021** dan ke atas.
8. Penawaran kerja adalah tertakluk kepada syarat-syarat Kategori dan Pengkhususan seperti yang tercatat dalam sijil tersebut.
9. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
10. **KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI ATAU TELAH MENDAPAT KERJA UNDI DAN KERJA SEBUT HARGA SEPANJANG TAHUN 2021 DENGAN JUMLAH NILAI RM 20,000.00 DAN KE ATAS DARIPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN SAMA ADA JKR HULU PERAK, JPS HULU PERAK, MAJLIS DAERAH GERIK/PENKALAN HULU/LENGGONG, PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) HULU PERAK/ PENKALAN HULU/LENGGONG ATAU PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) HULU PERAK ADALAH TIDAK LAYAK MENYERTAI PENDAFTARAN UNDI INI.**
11. **KONTRAKTOR JUGA HENDAKLAH BEBAS DARIPADA SEBARANG TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN SERTA TUNGGAKAN SEBARANG KOMPAUN PENGUATKUASAAN DENGAN MAJLIS DAERAH GERIK.**
12. Pihak Majlis berhak menarik balik surat tawaran atau inden kerja sekiranya didapati kontraktor mengemukakan atau memberikan maklumat palsu.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID 19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(MUHAMAD SUFFIAN ALTHAURI BIN MHD BAKRI)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

Bertarikh : 17 MEI 2021

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**

NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL 3/2021

Bil.	TAJUK KERJA	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
1.	MEMBINA DATARAN PENJAJA DI TAMAN DESA Baiduri, MD. GERIK	G1	CE / CE21
2.	MENYELENGGARA PREMIS PERNIAGAAN, KIOSK DAN KEMUDAHAN AWAM DI HENTIAN PERAH , MD GERIK	G1	CE / CE21